Perutusan Negara Perdana Menteri bukan 'kisah seribu satu malam'

• Perutusan itu menyampaikan mesej penting kepada rakyat bahawa kerajaan serius dan akan memberikan komitmen tinggi mengangkat martabat rakyat serta negara

• Semua pihak termasuk pembangkang perlu memainkan peranan lebih konstruktif dan bertanggungjawab untuk turut sama membangunkan Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abd Hamid
bhrencana@bh.com.my

Penyelidik di Kumpulan Penyelldikan Kenegaraan & Kesejahteraan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia

Perutusan Negara oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim malam kelmarin selepas 18 bulan menjadi Perdana Menteri adalah sesuatu yang belum pernah dilakukan Perdana Menteri sebelum ini. Perutusan itu adalah menyampaikan mesej penting kepada rakyat bahawa kerajaan serius dan akan memberikan komitmen tinggi mengangkat martabat rakyat serta negara.

Perutusan negara itu juga adalah untuk menepis segala tohmahan pembangkang yang sentiasa memainkan pelbagai isu dan sentimen mempengaruhi rakyat supaya membenci kerajaan menerusi media sosial dan laskar siber dengan mencanangkan kerajaan gagal melaksanakan tanggungjawab utamanya membangunkan ekonomi rakyat dan negara.

Realitinya, cabaran dan hambatan dihadapi kerajaan tidak sedikit terutama konflik geopolitik dunia, kesan pandemik COVID-19 masih berbekas, ketidaktentuan harga minyak, kemerosotan harga komoditi utama serta kejatuhan nilai dolar sehingga memberi tekanan kepada rakyat dan kerajaan.

Situasi ini diburukkan lagi dengan pertumbuhan mikroekonomi perlahan menyebabkan tekanan kos sara hidup membebankan rakyat. Akan tetapi ada pihak terutama pembangkang cuba 'menangguk di air keruh' untuk mendapat laba politik dan tidak memainkan peranan konstruktif dalam membina negara.

Bagaimanapun, bukti terkini dilaporkan Perdana Menteri dalam perutusannya menunjukkan situasi mikroekonomi negara sedang berada di landasan terbaik dan betul. Statistik semasa menunjukkan ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan positif iaitu 4.2 peratus berbanding 3.7 peratus dijangkakan sebelum ini.

Pertumbuhan ekonomi positif ini selari dengan momentum pasaran buruh berkembang 2.1 peratus, menjadikan jumlah tenaga kerja meningkat 16.4 juta. Jumlah dagangan pula berkembang 8.3 peratus kepada RM912.27 bilion.

Pencapaian ekonomi mengagumkan

Paling membanggakan Bursa Malaysia melepasi 1,600 mata dengan nilai pasaran ekuiti domestik mencecah angka tertinggi dalam sejarah sebanyak RM2 trilion. Dalam tempoh 18 bulan semua pencapaian ini boleh dianggap pencapaian mengagumkan. Bahkan, angka mikroekonomi positif ini diimbangi pencapaian meyakinkan dalam konteks komitmen pelaburan luar asing (FDI).

Pada 2023, FDI berjumlah RM329.5 bilion iaitu 23 peratus lebih tinggi berbanding 2022 manakala sehingga Mac lalu, komitmen dan potensi pelaburan mencecah RM76.1 bilion. Syarikat berteknologi tinggi dari Amerika Syarikat (AS), Australia, Jerman, Perancis dan beberapa negara lain turut berminat meningkatkan nilai pelaburan di Malaysia.

Pencapaian memberangsangkan ini tidak datang bergolek sebaliknya kerja keras Perdana Menteri dan kerajaan mempromosi pelaburan, meningkatkan tatakelola, tadbir urus dan memerangi rasuah ke akar umbi antara faktor meningkatnya minat pelaburan asing ini.

Justeru, petunjuk dan statistik terkini mikroekonomi menunjukkan fasa pemulihan ekonomi negara sedang bergerak ke arah positif, dinamik dan meyakinkan.

Perdana Menteri secara konsisten turut menegaskan masalah tadbir urus dan tatakelola isu paling kritikal berpunca akibat masalah rasuah sebati dan bermaharajalela. Inilah punca menyebabkan negara kehilangan dana awam besar.

Bayangkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan dalam tempoh 2018 hingga 2023 sebanyak RM277 bilion hilang ekoran rasuah dan ketirisan. Dana sebesar itu sepatutnya boleh memberi manfaat lebih besar kepada rakyat khususnya meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Maka, Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024- 2028 diluncurkan Perdana Menteri baru-baru ini dijangka mampu mengatasi masalah rasuah sebati ini.

Perdana Menteri secara jujur tidak menafikan hambatan ekonomi dihadapi rakyat ketika ini. Senario ini berlaku akibat dua masalah struktural. Pertama, ekonomi rakyat dan ekosistem perniagaan hambar. Kedua, kedudukan kewangan kerajaan yang lemah.

Sehubungan itu, kerajaan pimpinannya tidak menunggu lama, dalam tempoh 18 bulan, pelbagai inisiatif, program dan dasar baharu diperkenalkan untuk mengatasi dua masalah struktural seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu, Pelan Strategik Semikonduktor, Ikhtiar Ekonomi MADANI, Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Pelan Tindakan KL20.

Semua langkah ini diambil bagi meningkatkan ekosistem perniagaan dan menyokong industri baharu bernilai tinggi, sekali gus meningkatkan nilai pelaburan domestik serta dan asing. Kerajaan turut meningkatkan ekosistem perniagaan bernilai tinggi menerusi bidang berpertumbuhan dan bernilai tinggi (HGHV).

Bahkan, kerajaan komited meningkatkan pendapatan rakyat bagi menoktahkan kemiskinan tegar. Inisiatif dan tindakan komprehensif menjana pertumbuhan ekonomi bernilai tinggi turut diberi keutamaan dengan penekanan terhadap penstrukturan semula Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), memperkasa agenda kecerdasan buatan (AI), melahirkan usahawan baharu sektor pertumbuhan tinggi dan menggubal dasar gaji progresif sektor awam dan swasta.

Pelbagai pendekatan inovatif dilaksana

Selain itu, kerajaan turut mencari pelbagai pendekatan inovatif dalam mengukuhkan Dasar Fiskal Negara. Maka penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) menekankan supaya kerajaan menurunkan paras hutang tidak melebihi 60 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan defisit fiskal 3.0 peratus dalam jangka masa sederhana.

Kerajaan turut memperluaskan asas hasil melalui reformasi percukaian tidak membebankan dan bersifat progresif, mengambil langkah tidak populis memperkenalkan subsidi minyak dan elektrik secara bersasar.

Kedua-dua strategi subsidi bersasar ini dijangka menjimatkan RM12 bilion setahun. Sudah tentu, penjimatan daripada subsidi bersasar ini akan kembali kepada rakyat dalam pelbagai bentuk lain yang dapat meningkatkan kualiti hidup.

Sepanjang hampir dua tahun berlalu, banyak bukti nyata kerajaan menunaikan janjinya menerusi komitmen politik antaranya harga ayam diapungkan, subsidi padi ditingkatkan dan insentif pengeluaran getah dinaikkan dua kali.

Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dinaikkan sebanyak 25 peratus, memberi manfaat kepada 60 peratus penduduk dewasa serta tidak ketinggalan Bantuan Awal Persekolahan (BAP).

Justeru, Perutusan Negara Perdana Menteri bukan 'kisah seribu satu malam' tetapi mesej penting dan mendalam kepada rakyat bahawa kerajaan sudah, sedang dan akan terus membela serta menggalas tanggungjawab memakmurkan kehidupan rakyat. Maka, hentikanlah 'politiking' tidak membantu meningkatkan kestabilan dan kesejahteraan negara.

Semua pihak termasuk pembangkang perlu memainkan peranan lebih konstruktif dan bertanggungjawab untuk turut sama membangunkan Malaysia. Pelbagai cabaran sedang melanda ekonomi, politik dan sosial negara ketika ini akan hanya mampu dihadapi menerusi solidariti semua pihak.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH